

WARM WELCOME TO OUR NEW VICE CHANCELLOR/PRESIDENT

With great pleasure the Legal Office takes note of the appointment of a distinguished educationist, YBhg Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said who has been appointed the new Vice Chancellor of UiTM, effective 1 February 2016. He takes over from YBhg Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar whose term as Vice Chancellor of UiTM ended on 31 December 2015.

Prior to his appointment, Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said was the Vice Chancellor and President of Taylor's University, as well as the former Director-General of the Department of Higher Education, Ministry of Higher Education (January 2005 - April 2008). He holds a Bachelor's Degree in Mathematics from the University of Manchester, UK (1979), Master of Science from Brunel University, UK (1981) and a PhD from Brunel University (1984). He specialises in Computer-Aided Geometric Design.

We, at PPUU warmly welcome our new Vice Chancellor to UiTM. We are confident that in view of his excellent leadership record and academic achievements, YBhg Emeritus Professor Dato' Dr Hassan Said will take UiTM to a higher level, both in the richness of education and the quality of its staff.



*"Allah never changes a condition which
He has conferred upon a people until they
change what is in their own selves"*
(Holy Qur'an, Surah 8:53).

UNDANG-UNDANG DAN TATACARA SURCAJ*

Alih bahasa oleh

Azlina Khalid, Shahrin Nordin, Adlin Samsudin, Nor Azila Maharam dan
Nurfarizma Rahayu Mohd Annuar

Rumusan

Seksyen 14-22 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] mengadakan peruntukan bagi pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai dan bekas pegawai-pegawai sesuatu badan berkanun.

Seksyen 14 menyatakan alasan-alasan bagi pengenaan surcaj, umumnya, surcaj akan dikenakan jika seseorang itu bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang-barang simpanan atau harta lain UiTM.

Surcaj boleh dipotong daripada gaji atau pencen: S.20

Surcaj ialah suatu hutang kepada UiTM.

Seksyen 19 menghendaki tiap-tiap surcaj yang dikenakan ke atas seseorang pegawai dicatatkan dalam Rekod Perkhidmatannya.

Pengenaan surcaj ke atas seseorang pegawai tidak akan menghalang permulaan apa-apa tindakan tatatertib terhadapnya. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 22.

Pegawai yang akan disurcaj hendaklah diberi peluang untuk didengar (14 hari) dan hendaklah diberitahu secara bertulis mengenai keputusan untuk mengenakan surcaj ke atasnya: Seksyen 15, 16 dan 17.

Tiada hak untuk rayuan. Tetapi Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk mengurangkan atau menghapuskan surcaj: S.18

Surcaj - Tujuan Undang-Undang

Undang-undang surcaj adalah bertujuan untuk menguatkuasakan tanggungjawab kewangan, kejujuran dan kecekapan. Tujuan lain adalah sebagai pampasan kepada pihak universiti untuk kerugian yang ditanggung yang disebabkan oleh kecuaiannya pegawai, kelalaian di dalam menjalankan tugas, ketidakjujuran, kurang berhati-hati dan ketidakcekapan.

Tujuan undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa kepada universiti, di mana ianya adalah sebagai gantian atau penambahan kepada prosiding disiplin, untuk memohon Lembaga Pengarah Universiti agar prosiding surcaj dimulakan di bawah peruntukan seksyen 14-22 Akta 605.

Siapa yang tertakluk kepada perintah Surcaj?

Seseorang yang berkhidmat atau pernah berkhidmat di dalam badan berkanun adalah tertakluk kepada perintah surcaj. Individu yang telah bersara, meletakkan jawatan atau yang telah ditamatkan perkhidmatan juga boleh disurcaj sama cara sepertimana pegawai yang sedang berkhidmat [seksyen 14].

Siapa yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah Surcaj?

Lembaga Pengarah Universiti mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah surcaj [seksyen 15].
Alasan-alasan bagi Surcaj

Di bawah seksyen 14 tindakan dan/atau peninggalan berikut boleh mencetuskan undang-undang surcaj:

- (1) Kegagalan untuk memungut apa-apa wang yang terutang kepada universiti jika pegawai tersebut telah dipertanggungjawabkan untuk memungutnya. Sebagai contoh: kegagalan untuk memungut yuran dari pelajar tetapi telah membenarkan mereka untuk meneruskan program pengajian akademik, kegagalan untuk memulakan prosedur terhadap individu yang telah melanggar perjanjian biasiswa, kegagalan untuk mengutip denda [seksyen 14 (a)].
- (2) Pembayaran wang yang tidak sepatutnya [seksyen 14 (b)].
- (3) Sekiranya tuntutan telah diluluskan atau pembayaran projek telah dipersetujui dan diluluskan tanpa penelitian dan pemerhatian dan juga gagal menentukan sama ada obligasi kontrak tersebut telah dipatuhi, motif berunsurkan rasuah, perkara-perkara ini adalah alasan untuk dikenakan surcaj.
- (4) Pembayaran wang yang tidak diluluskan [seksyen 14 (b)].
- (5) Telah menyebabkan secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kekurangan atau pemusnahan apa-apa wang [seksyen 14 (c)].
- (6) Pegawai akaun yang telah gagal menyimpan akaun [seksyen 14 (d)].
- (7) Pegawai akaun yang telah gagal memantau akaun dan rekodnya [seksyen 14 (d)].
- (8) Kegagalan untuk membuat pembayaran wang yang dihutang oleh universiti [seksyen 14 (e)].

*Tatacara ini telah dialihbahasa daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia oleh penulis-penulis di atas di Pejabat Penasihat Undang-Undang, UiTM berdasarkan "Guidelines on the Procedure of Surcharge and the Investigation process" yang telah ditulis oleh Professor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi sebagai panduan untuk surcaj.

- (9) Kelewatan di dalam membuat pembayaran yang dihutang oleh universiti [seksyen 14 (e)].

Jawatankuasa Penyiasatan

Tiada peruntukan untuk Jawatankuasa Penyiasatan: Di dalam kes-kes disiplin (mengambil kira penamatan atau penurunan pangkat), Jawatankuasa Tata tertib Staff boleh mewujudkan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan di bawah peraturan 35(5), 36, 37 dan 38 di bawah Jadual Kedua Akta 605.

Walaupun bagaimanapun, peruntukan untuk surcaj (seksyen-seksyen 14-22) tidak menyatakan tentang Jawatankuasa Penyiasatan. Ini adalah kelemahan yang serius kerana kes-kes surcaj memerlukan penyiasatan yang teliti dan masa yang lama untuk penyiasatan. Di atas sebab ini, ia adalah amalan kebiasaan untuk setiap Kampus, Fakulti, Jabatan atau Unit untuk menjalankan sesi penyiasatan secara sendiri, memberi pandangan dan memajukannya kepada Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan.

Cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa tetap khusus untuk mengendalikan penyiasatan Surcaj

Walaupun terdapat beberapa jawatankuasa ad hoc yang mengendalikan penyiasatan untuk kes-kes surcaj, namun jawatankuasa yang sedia ada kurang mahir dan kurang mempunyai kepakaran untuk mengendalikan penyiasatan dan tidak menanyakan soalan yang relevan dan khusus untuk mendapatkan hasil penyiasatan yang tepat dan berkesan. Pihak jawatankuasa ad hoc juga kurang mahir dalam memahami dan mengetahui prosedur yang perlu dipatuhi.

Tambahan pula, terdapat masalah konflik kepentingan (conflict of interest) sekiranya:

- (1) Seseorang Ketua Unit melantik ahli Jawatankuasa Penyiasatan; dan
- (2) Pihak Fakulti, Pusat atau Unit menyiasat dirinya sendiri tanpa maklumbalas dan pengaruh orang luar yang berlaku adil (impartial).

Justeru itu, memandangkan terdapat sebegitu banyak kes-kes surcaj yang perlu dikendalikan, maka ia adalah disarankan agar setiap kampus menubuhkan satu jawatankuasa khas iaitu, Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj (atau apa-apa nama lain yang bersesuaian). Ini adalah kerana tidak terdapat peruntukan untuk mengadakan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj di dalam Akta 605. Oleh itu, penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj perlu dilaksanakan di setiap kampus melalui lantikan pentadbiran.

Cadangan komposisi ahli jawatankuasa penyiasatan surcaj di setiap kampus

Adalah dicadangkan bahawa komposisi ahli Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj di setiap kampus terdiri dari tiga (3) orang ahli seperti berikut:

- (1) Ketua Bahagian Pengurusan Harta Benda untuk setiap Kampus sebagai Pengerusi Jawatankuasa;
- (2) Seorang wakil dari setiap Fakulti, Bahagian atau Unit di

tempat kehilangan/kecurian/kerosakan itu berlaku. Ahli yang dilantik ini hendaklah dilantik oleh Ketua Jabatan dan ahli tersebut dikehendaki berlaku adil, tidak boleh terlibat atau mempunyai apa-apa kaitan dengan orang atau perkara yang disiasat dan tidak boleh sama sekali mempunyai kecenderungan/kepincangan (bias) dari segi kewangan atau secara peribadi di dalam kes yang disiasat;

- (3) Seorang ahli yang mempunyai kelayakan undang-undang sama ada dari Pejabat Penasihat Undang-Undang, Fakulti Undang-Undang, Unit Perundangan di setiap Kampus (sekiranya ada) atau seseorang yang mempunyai kelayakan undang-undang yang dilantik oleh Naib Canselor UiTM dan Rektor bagi setiap kampus cawangan.

Carta Aliran

Apabila satu aduan dibuat di mana berlakunya perbuatan atau kecuai yang melibatkan peruntukan seksyen 14, prosedur-prosedur berikut mesti dilaksanakan:

- (1) Aduan tersebut mesti dirujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj di setiap kampus;
- (2) Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj hendaklah menyiasat setiap aduan secara terbuka, adil dan saksama.
- (3) Laporan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj diwajibkan dihantar ke Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) untuk rujukan.
- (4) Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) hendaklah membuat keputusan samaada untuk melanjutkan laporan tersebut bersama dengan cadangan-cadangan ahli JKP kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- (5) Lembaga Pengarah Universiti (LPU) boleh menghantar kembali laporan penyiasatan tersebut ke Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) untuk pertimbangan selanjutnya atau untuk mengarahkan agar penyiasatan lanjut dilakukan.
- (6) Sebaliknya, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) boleh membuat keputusan bahawa terdapat kes prima facie dan boleh mengarahkan notis tunjuk sebab secara bertulis kepada seseorang yang diberi notis untuk disurcaj.
- (7) Notis secara bertulis tidak kurang dari empat-belas (14) hari notis wajib diberikan kepada seseorang yang diberi notis untuk disurcaj tersebut. Tiada keperluan untuk mengadakan perbincangan atau representasi secara lisan tetapi pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mempunyai budibicara untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil untuk mengadakan perbincangan.

Peranan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj

Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj berperanan adalah untuk menentukan fakta-fakta kes, menjelaskan isu-isu yang timbul secara terbuka, adil dan saksama dan melaporkan hasil penyiasatan kepada Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP).

Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj tidak boleh sama sekali, mendakwa, membela atau menjatuhkan apa-apa hukuman terhadap staf atau bekas staf yang tertuduh.



Terma Rujukan

Terma rujukan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj selalunya akan terkandung di dalam surat perlantikan. Sebagai garis panduan umum, fungsi Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj bukanlah untuk merangka pertuduhan atau mencadangkan hukuman. Peranan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj bukan juga untuk mendakwa atau membela tertuduh atau menentukan sama ada tertuduh bersalah atau tidak bersalah. Tugas Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj adalah:

- (1) Menentukan latar belakang di mana tindakan dan/atau peninggalan telah berlaku.
- (2) Menentukan fakta seperti yang di dakwa atau dinafikan. Kadangkala, terdapat fakta yang bercanggah. Dalam hal yang sedemikian Jawatankuasa boleh, dengan cara yang tidak berat sebelah, membuat kesimpulan terhadap fakta kedua-dua belah pihak.
- (3) Menjelaskan sebarang isu yang dirujuk kepada mereka oleh pihak berkuasa.
- (4) Melaporkan sebarang fakta tambahan yang muncul selepas siasatan.

Peraturan larangan berat sebelah

Di bawah undang-undang pentadbiran, terdapat prinsip *nemo iudex in causa sua* iaitu tiada sesiapa yang boleh menjadi hakim di dalam kausanya sendiri. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj hendaklah tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi atau kewangan. Kepentingan peribadi boleh berpunca dari perhubungan rapat atau perkataan atau perbuatan yang menunjukkan penentuan awal isu ini i.e. di mana seseorang itu tidak mempunyai minda yang terbuka dalam perkara itu. Kepentingan kewangan pula terjadi apabila penyiasat mempunyai kepentingan kewangan di dalam hasil prosiding itu kelak eg. Contohnya di mana beliau sendiri disyaki cuai dan mungkin atas sebab itu berhasrat untuk membuat dapatan yang menyebelahi kepentingan beliau.

Peraturan pendengaran

Seseorang yang diberi notis untuk disurcaj berhak kepada keadilan dari segi prosedur [*Audi Alteram Partem*].

- (1) Beliau hendaklah menerima notis awal bahawa beliau dikehendaki untuk menjawab kemungkinan kes surcaj.
- (2) Beliau hendaklah menerima notis awal mengenai tarikh, masa dan tempat perjumpaan Jawatankuasa Penyiasatan Surcaj.
- (3) Notis hendaklah mencukupi dari segi tempoh masa. Memandangkan undang-undang tidak menyatakan tempoh masanya, notis itu hendaklah "munasabah" mengikut fakta kes. Adalah disyorkan bahawa tempoh notis selama satu atau dua minggu adalah mencukupi.
- (4) Notis hendaklah mencukupi dari segi terma-termannya i.e. ianya hendaklah menyediakan butir-butir perkara yang didakwa yang menjadi asas kepada surcaj. Barangan atau wang yang terlibat, anggaran masa dan tempat berlakunya kecuai yang didakwa serta butir-butir kelakuan atau salah laku hendaklah dinyatakan.
- (5) Peluang yang adil hendaklah diberi kepada seseorang yang diberi notis untuk disurcaj untuk membela dirinya. Beliau hendaklah dibenarkan untuk hadir secara sendiri di hadapan Jawatankuasa.
- (6) Jika seseorang yang diberi notis untuk disurcaj gagal untuk menghadirkan diri selepas adanya notis yang mencukupi tersebut, Jawatankuasa mempunyai kuasa sama ada untuk membenarkan perlanjutan masa kepada beliau atau meneruskan dengan penyiasatan dalam ketidakhadiran beliau.
- (7) Beliau hendaklah mempunyai hak kepada semua bukti atau laporan yang menunjukkan beliau disabitkan berkenaan kes itu.
- (8) Beliau mempunyai hak untuk membawa saksi-saksinya sendiri.
- (9) Beliau mempunyai hak untuk menyoal balas semua saksi-saksi terhadapnya.

- (10) Tiada hak dibenarkan untuk diwakili oleh peguam. Walaubagaimanapun, dalam kes-kes yang tertentu, seseorang yang diberi notis untuk disurcailah boleh dibenarkan untuk diwakili oleh warga UiTM yang lain yang berhasrat untuk memplidkan kes bagi orang tersebut.

Prosedur Lembaga Pengarah Universiti untuk penetapan Surcailah

Sebaik sahaja Lembaga Pengarah Universiti telah menerima pengesyoran daripada Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan berkenaan kes surcailah, keputusan harus dibuat sama ada terdapat kes prima facie untuk dijawab.

- (1) Jika wujud kes prima facie, Lembaga Pengarah Universiti hendaklah menyerahkan notis bertulis kepada seseorang yang diberi notis untuk disurcailah yang berkenaan [seksyen 15].
- (2) Seseorang yang diberi notis untuk disurcailah berkenaan mempunyai tempoh 14 hari untuk memberikan tunjuk sebab secara bertulis [seksyen 16].
- (3) Tiada pendengaran lisan diperlukan (tetapi tiada halangan perundangan sekiranya Lembaga Pengarah Universiti berhasrat untuk membenarkan pendengaran lisan).
- (4) Lembaga Pengarah Universiti hendaklah membuat pertimbangan ke atas jawapan bertulis pegawai berkenaan dan membuat keputusan [seksyen 16].
- (5) Keputusan berkenaan surcailah hendaklah dimaklumkan kepada seseorang yang diberi notis untuk disurcailah berkenaan secara bertulis [seksyen 17].
- (6) Tiada rayuan kepada Menteri atau Mahkamah dibenarkan. Walaubagaimanapun, subjek kepada keputusan tersebut boleh memohon kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk pertimbangan semula dan Lembaga mempunyai kuasa untuk:-
 - (i) menarik balik sebarang keputusan [seksyen 18], atau
 - (ii) mengurangkan amaun surcailah.

Amaun Surcailah

Amaun surcailah yang boleh dikenakan bergantung kepada sifat perbuatan atau peninggalan tersebut.

Perbuatan atau Peninggalan	Amaun Surcailah
1. Di Bawah Seksyen 14(a)	Amaun yang tidak dikutip
2. Di Bawah Seksyen 14(b)	Amaun pembayaran tidak sepatutnya
3. Di Bawah Seksyen 14(c)	Nilai susut atau nilai aset yang musnah
4. Di Bawah Seksyen 14(d)	Jumlah yang difikirkan sesuai oleh Lembaga
5. Di Bawah Seksyen 14(e)	Jumlah yang difikirkan sesuai oleh Lembaga


Mendapatkan Surcailah

Surcailah adalah suatu hutang sivil yang terhutang oleh pegawai kepada universiti [seksyen 20]. Ia boleh didapatkan melalui cara yang berikut:

- (1) Potongan daripada gaji melalui ansuran bulanan yang sama banyak tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji.
- (2) Potongan daripada pencen melalui ansuran bulanan yang sama banyak tidak melebihi satu perempat daripada pencen bulanan.
- (3) Saman sivil di mahkamah.

Surcailah tidak boleh menghalang tindakan tatatertib

Suatu perintah surcailah tidak menghalang prosiding tatatertib sama ada secara serentak atau yang berikutnya.



COMPASSION FOR THE POOR

“And in their (Muslims) wealth there is a recognized right for the needy and the poor”.
(Holy Qur'an, Surah 70:24-25).

JUSTICE

“Everyone will be held accountable for his actions, and none bears the burden of another person's actions”
(Holy Qur'an, Surah 6:64).